

| | | | |
|-------------|---|------------|---------|
| Headline | Lima pembida meterai perjanjian beli tenaga | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 16 Jul 2020 | Language | Malay |
| Circulation | 82,252 | Readership | 246,756 |
| Section | Nasional | Page No | 8 |
| ArticleSize | 226 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 22,537 | | |



Lima pembida meterai perjanjian beli tenaga

Kuala Lumpur: Lima pembida yang berjaya dalam bidaan Projek Solar Berskala Besar Pusingan Ketiga (LSS3) menandatangani perjanjian pembelian tenaga dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata walaupun syarikat terbabit mengalami kelewatan melaksanakan projek berikutnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), semua pembida berkenaan dijangka mencapai persetujuan kewangan sebelum akhir tahun ini.

“Bagi memastikan kos penjanaan bawah program LSS kekal kompetitif dan rendah, kerajaan meruskan proses bidaan terbuka untuk penjanaan tenaga baharu bawah program LSS@MEnTARI.

“Langkah ini selaras dasar perolehan tenaga elektrik kerajaan, iaitu mengikut prinsip *least cost option* (opsyen kos paling kurang) serta memastikan industri tenaga boleh baharu (TBB) negara dapat bersaing secara sihat,” katanya ketika menjawab soalan Yeo Bee Yin (PH-Bakri) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Salim Mohd Sharif (BN-Jempol) pula, Shamsul Anuar berkata, keupayaan dan kepakaran syarikat tempatan dalam industri TBB tidak dipinggirkan apabila kerajaan menyasarkan 25 syarikat bakal diberi peluang menyertai bidaan projek LSS.

Namun, katanya, ada syarat harus dipatuhi syarikat tempatan itu bagi melayakkan mereka terbabit dalam projek berkenaan.

Beliau berkata, keputusan memberikan ruang dan peluang kepada lebih banyak syarikat tempatan dibuat berikutnya kerajaan



Shamsul Anuar Nasarah

baharu yakin terhadap keupayaan yang mereka miliki.

“Bagi memastikan industri ini kekal dan memberi manfaat kepada negara, kita mahu berusaha supaya pelaburan bidang TBB memberi kesan limpahan terhadap ekonomi negara dengan menggalakkan penyertaan syarikat tempatan.

“Kita yakin sekurang-kurang 25 syarikat tempatan akan diberi peluang. Perbezaan LSS@MEnTARI berbanding LSS3 yang dibuat bekas menteri ialah dahulu dibuka bidaan kepada syarikat antarabangsa.

“Ini menyebabkan lima syarikat ditawarkan dengan empat daripadanya diperoleh syarikat yang rakan kongsi adalah daripada antarabangsa, umpamanya dari Jerman, Sepanyol, Perancis dan Singapura.

“Kita melihat ada keyakinan dan keperluan untuk kita memberi peluang kepada syarikat tempatan. Maka kali ini, kita hanya membuka peluang kepada syarikat 100 peratus milik tempatan yang diperbadankan di Malaysia dan syarikat tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur dengan mesti memiliki sekurang-kurang 75 peratus pegangan saham tempatan,” katanya.